

04/09/1998

Sektor hartanah diramal jadi tumpuan pelabur

M Noh Senan

SIME Darby Land Sdn Bhd meramalkan sektor industri perumahan akan kembali cergas apabila mereka yang memegang ringgit di luar negara menggunakannya bagi membeli aset di negara ini.

Pengurus Besarnya, Syed Mohamed Ibrahim, berkata oleh kerana sejumlah RM25 bilion kini dalam pegangan akaun di luar pesisir begitu besar, tentulah ia boleh dilaburkan dalam sektor berkenaan.

Mengulas mengenai langkah drastik yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir Mohamad kelmarin, beliau berkata pelaburan dalam hartanah adalah alternatif lebih baik daripada melabur dalam pasaran saham masa kini.

"Mereka yang mempunyai wang sepatutnya mengambil kesempatan sepenuhnya berikutan nilai pasaran hartanah kini pada paras begitu rendah," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyerahan komputer multimedia kepada empat sekolah di Nilai dan Labu di Planters' Haven yang dimajukan syarikat itu di Labu, dekat Seremban, semalam.

Pengarah Pendidikan negeri, Sudin Kamari menyampaikan empat unit komputer kepada wakil sekolah terbabit sebagai program kebajikan syarikat untuk masyarakat tempatan.

Pembelian komputer itu adalah hasil kutipan jualan 1,300 kilogram durian sumbangan pemilik dusun di Planters' Haven yang bernilai RM10,000.

Syed Mohamed berkata, walaupun terlalu awal untuk meramalkan pembelian hartanah hasil daripada kemasukan wang berkenaan, ia adalah petanda baik terhadap pertumbuhan sektor berkenaan.

Selaras itu juga, langkah yang diumumkan kerajaan sejak beberapa hari lalu dengan memperkenalkan dasar pengembangan kegiatan ekonomi, termasuk 'menabur' wang dalam sistem perbankan meyakinkan pemaaju mengenai kemungkinan sektor hartanah kembali produktif.

Bank Negara sebelum ini mengklasifikasikan industri berkenaan sebagai tidak produktif dan kemudian menyedari ia adalah tindakan yang merosakkan.

Beliau berkata, kini bank perdagangan lebih responsif untuk memberi pembiayaan akhir dan sudah tentulah ia dapat mempercepatkan lagi usaha memulihkan keadaan.

"Seharusnya pihak berkenaan memberikan keutamaan pinjaman kepada mereka yang membeli rumah atau pelbagai jenis hartanah lain," katanya.

Mengenai program kebajikan, beliau berkata memanglah menjadi hasrat syarikat untuk membantu masyarakat selaras dengan seruan kerajaan mempromosikan Teknologi Maklumat, terutama di kalangan pelajar.

Katanya, walaupun kegawatan ekonomi sekarang, syarikat tidak mahu melupakan kalangan yang memerlukan bantuan.

(END)